

Decorative blue lines in the top-left corner, consisting of two parallel, slightly curved lines that form a partial rectangular shape.

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2017

A vertical blue line on the right side of the page, extending from the top to the middle section.Decorative blue and red lines in the bottom-right corner, consisting of several parallel, slightly curved lines that form a partial rectangular shape, with the bottom-most line being red.

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
		MAC
	1 Mac 2017	Lawatan Raja Arab Saudi Ke Malaysia
		APRIL
	4 April 2017	Lawatan Kerja Rasmi Ke Bahrain
	23 April 2017	Lawatan Kerja Rasmi ke Republik Rakyat China
		JUN
	2 Jun 2017	<i>Joint Ministerial Statement of the 10th FPDA Defence Ministers' Meeting</i>
	4 Jun 2017	<i>IISS Shangri-La Dialogue 16th Asia Security Summit</i>
	23 Jun 2017	<i>Official Launch Of LIMA'17</i>
		JULAI
	13 Julai 2017	Karnival Mini MinDef Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Aidilfitri 2017
	24 Julai 2017	Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Pertahanan
		OGOS
	9 Ogos 2017	Raptai Istiadat Perbarisan Penganugerahan <i>Battle Honour</i> Daulat Feb 2013
	11 Ogos 2017	Pameran Statik Dan Aset Angkatan Tentera Malaysia Sempena Istiadat Perbarisan Penganugerahan <i>Battle Honour</i> 'Daulat Feb 2013'

SEPTEMBER

9 September 2017 Pelepasan Tim Tinjauan Bagi Misi Kemanusiaan Pelarian Rohingya

27 September 2017 Perkhidmatan Kesihatan ATM Terima Peruntukan Tambahan Bagi Ubat-Ubatan

OKTOBER

14 Oktober 2017 Hari Sukan Negara 2017 Peringkat Kementerian Pertahanan

19 Oktober 2017 Penglibatan Malaysia Di Pameran Pertahanan Dan Persidangan Antarabangsa Bahrain (*Bahrain International Defence Exhibition And Conference*) 2017 Bahrain

20 Oktober 2017 Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D)

29 Oktober 2017 *YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Minister of Defence and Minister with Special Functions, Malaysia*

NOVEMBER

11 November 2017 Program Warrior Challenge 2017

11 November 2017 Program Sukarelawan iM4U PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan

DISEMBER

13 Disember 2017 Majlis Penyampaian Diploma Kursus Pemerintahan Dan Staf Malaysia (KPSM) Siri 46/2017 Pada 13 Disember 2017, Di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM

14 Disember 2017 Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 2017

18 Disember 2017 Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Rasmi Upacara Peletakan Lunas Kapal LCS Ketiga Bagi TLDM

- 19 Disember 2017 Majlis Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut Pada 19 Disember 2017
- 19 Disember 2017 Majlis Pelancaran Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut
- 25 Disember 2017 Malaysian Armed Forces On Immediate Standby To Provide Humanitarian Assistance To The Philippines

Kenyataan Media
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia
Selaku
Menteri Pengiring Lawatan Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia

Lawatan Raja Arab Saudi ke Malaysia

Kuala Lumpur, 1 Mac 2017

Semalam berakhirnya lawatan rasmi Raja Arab Saudi dan Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud bersama delegasinya ke Malaysia. Secara keseluruhannya, lawatan kali ini disifatkan paling berjaya dan bersejarah sejak terjalannya hubungan diplomatik antara Malaysia dan Arab Saudi. Saya percaya, kejayaan lawatan kali ini adalah bersandarkan prinsip kepercayaan, saling menghormati dan wasatiah yang diamalkan oleh kepimpinan tertinggi kedua-dua negara.

Lebih bermakna, lawatan kali ini turut menyumbang kepada pengukuhan kerjasama pertahanan melibatkan Malaysia dan Arab Saudi. Segala pelaksanaan inisiatif di bawah kerjasama ini akan diketuai sendiri oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pertahanan Arab Saudi.

Pengukuhan kerjasama pertahanan ini merupakan hasil beberapa siri perbincangan saya dengan rakan sejawat dari Arab Saudi, yang juga rakan akrab saya, Timbalan Putera Mahkota Muhammad bin Salman sebelum ini. Malah, saya juga berkesempatan berbincang bersama beliau menerusi telefon sewaktu lawatan Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia baru-baru ini.

Malaysia dan Arab Saudi bersetuju meningkatkan kerjasama bagi memantau secara rapat perkembangan kegiatan puak pelampau dan kumpulan pengganas di seluruh dunia. Hal ini kerana, kedua-dua negara memandang serius situasi tidak menentu di Timur Tengah terutamanya membabitkan ancaman keganasan terhadap dua Masjid Suci di Arab Saudi. Dalam hal ini, ia jelas memperlihatkan kesungguhan Malaysia

untuk bersama-sama Arab Saudi dalam usaha mempertahankan kesucian Kota Mekah dan Kota Madinah.

Selain itu, antara bentuk kerjasama lain yang bakal dilaksanakan adalah:

- i. Penubuhan *King Salman Centre for International Peace (KSCIP)*, bersempena nama Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud. *KSCIP* bakal ditubuhkan menerusi kerjasama antara *Ideology Warfare Center (IWC)* atau *Markaz Harb Fikriah* di bawah Kementerian Pertahanan Arab Saudi dan *Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS)* di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia. *KSCIP* bakal diuruskan secara bersama oleh Universiti Islam Sains Malaysia (USIM). Manakala rakan kongsi strategik dari Arab Saudi yang turut terlibat dalam penubuhan *KSCIP* ialah Rabitah Alam Al-Islami (Liga Muslim Dunia).

KSCIP ditubuhkan bertujuan mengenal pasti kaedah terbaik bagi membendung penyebaran dakwah dan ideologi keganasan oleh golongan ekstremis dan kumpulan pengganas di seluruh dunia. Idea penubuhan *KSCIP* tercetus hasil perbincangan saya dan Timbalan Putera Mahkota Muhammad bin Salman yang bersependapat bahawa usaha membendung permasalahan ini tidak seharusnya terbatas kepada penguatkuasaan undang-undang dan operasi ketenteraan semata-mata, sebaliknya perlu melibatkan input dan hasil kajian akademik yang menyeluruh.

- ii. Malaysia bakal menempatkan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di *Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC)* yang terletak di Riyadh, Arab Saudi untuk membantu Angkatan Tentera Arab Saudi (SAF) memikirkan strategi terbaik bagi menangani ancaman kumpulan DAESH. Ia tidak melibatkan sebarang operasi ketenteraan.

- iii. Arab Saudi memberi pertimbangan serius untuk menawarkan penjualan lebih aset ketenteraan milik SAF kepada Malaysia. Penjualan ini tidak mensasarkan keuntungan sebaliknya bertujuan membantu meningkatkan keupayaan ketenteraan ATM. Dalam hal ini, Malaysia memfokuskan kepada 2 aspek iaitu jet pejuang untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan helikopter untuk Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD). Aset-aset ini bukan sahaja bersesuaian membantu melaksanakan penugasan dan operasi di peringkat serantau malah turut berupaya meningkatkan persefahaman untuk beroperasi secara bersama antara angkatan tentera Malaysia dan Arab Saudi. Pada masa sama, Malaysia juga akan mempertimbangkan perolehan aset-aset ketenteraan yang lain dari Arab Saudi sekiranya bersesuaian dan diperlukan oleh ATM pada masa akan datang.
- iv. Malaysia melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersetuju menawarkan perkongsian kepakaran dan latihan bersama bagi meningkatkan keupayaan anggota Tentera Laut Diraja Saudi (RSNF) dalam mengendalikan kapal selam. Malaysia akan memastikan latihan ini dilaksanakan secara berterusan selama tempoh kapal selam pertama RSNF dibina.
- v. Malaysia dan Arab Saudi bersetuju mengadakan lebih banyak latihan ketenteraan secara bersama bagi membantu meningkatkan keupayaan dan kepakaran angkatan tentera masing-masing.

Saya telah mengarahkan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Afandi bin Raja Mohamed Noor menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi memastikan hal-hal berkaitan ketenteraan yang telah dipersetujui dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Ketiga-tiga Panglima Perkhidmatan ATM akan menganggotai Jawatankuasa Khas ini. Panglima Tentera Darat akan memfokuskan kepada aspek perolehan dan pengendalian helikopter PUTD, Panglima Tentera Laut akan memfokuskan kepada aspek latihan pengendalian kapal selam, manakala Panglima Tentera Udara akan memfokuskan kepada aspek perolehan jet pejuang TUDM.

Sementara itu, dalam hal berkaitan penubuhan *KSCIP*, saya telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi dan *MiDAS* untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas. Penubuhan Jawatankuasa Khas ini akan dibantu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Saya percaya, segala bentuk kerjasama ini membuktikan bahawa Kementerian Pertahanan dan ATM semakin mendapat perhatian dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Malah segala bentuk kerjasama yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian daripada pelbagai lagi bentuk kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Arab Saudi yang dilaksanakan demi keamanan negara dan dunia.

=Tamat=

Kenyataan Media
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

Lawatan Kerja Rasmi ke Bahrain

Kingdom of Bahrain, 4 April 2017

Hari ini berakhirnya lawatan kerja saya ke Bahrain. Secara keseluruhannya, lawatan ini amat berjaya dan bersejarah khususnya dari segi memperkukuhkan hubungan diplomasi dan pertahanan antara kedua-dua negara serta mengeratkan silaturrahim sesama negara Islam.

Sewaktu di Bahrain, saya telah mengadakan pertemuan dengan Raja Bahrain, Raja Hamad bin Isa Al Khalifa di Istana Shakir. Dalam pertemuan ini, baginda secara peribadi melahirkan rasa bangga atas hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua negara. Baginda turut menyatakan rasa gembira dengan kerjasama yang terjalin antara Malaysia dan Bahrain yang semakin kukuh terutamanya dalam bidang ketenteraan dan pertahanan.

Saya juga mengambil kesempatan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman dengan baginda berhubung usaha Malaysia dalam menangani ancaman pengganas khususnya kumpulan DAESH. Saya turut memaklumkan kepada baginda berkaitan cadangan penubuhan *King Salman Centre For International Peace (KSCIP)* yang sedang diusahakan Malaysia dan Arab Saudi bertujuan memperkukuhkan kerjasama dalam usaha membendung penyebaran dakwah dan ideologi keganasan serta meleraikan kesalahfahaman dan pandangan negatif terhadap Islam.

Baginda telah menyatakan hasrat untuk datang ke Malaysia dan melihat lebih dekat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan keupayaan angkatannya dalam memperkukuhkan kerjasama selepas ini.

Selain itu, saya juga telah mengadakan pertemuan dengan Putera Mahkota Bahrain merangkap Timbalan Perdana Menteri Pertama Bahrain, Putera Salman bin Hamad bin Isa Al-Khalifa di Istana Gudaibiya. Dalam pertemuan tersebut, kami telah

membincangkan perkembangan jalinan kerjasama pertahanan antara Bahrain dengan negara-negara Asia termasuk Malaysia. Bentuk kerjasama pertahanan ini lebih tertumpu kepada usaha menangani ancaman keselamatan di peringkat serantau dan dunia.

Putera Salman turut menekankan bahawa di bawah kepimpinan Raja Bahrain, Raja Hamad bin Isa Al Khalifa, Bahrain akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan Malaysia termasuk mewujudkan lebih banyak peluang perkongsian merangkumi aspek perdagangan, pembangunan dan keselamatan.

Dalam pada itu, saya juga berpeluang bertemu Menteri Pertahanan Bahrain, Leftenan Jeneral Yusuf bin Ahmed Al-Jalahma. Kami sempat meluangkan masa untuk berbincang berkenaan isu-isu keamanan sejagat dan dunia, kerjasama pertahanan melibatkan kedua-dua negara serta ancaman terbaru yang mengubah landskap pertahanan dunia.

Saya juga berkesempatan bertemu Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Bahrain, Shaikh Khalifa bin Ahmed Al Khalifa di Markas Angkatan Tentera Bahrain. Dalam pertemuan tersebut, kami telah mengadakan pertemuan empat mata bagi memperhalusi bentuk kerjasama pertahanan yang berpotensi dilaksanakan Malaysia dan Bahrain pada masa yang akan datang.

Di samping itu, saya juga sempat meluangkan masa menghadiri majlis makan malam rasmi sempena lawatan saya ke Bahrain anjuran Komander Pengawal Diraja Bahrain, Shaikh Nasser bin Hamad Al Khalifa. Majlis makan malam ini turut membuka ruang kepada kami untuk mengadakan perbincangan khususnya berkaitan aspek pertahanan dan ketenteraan. Shaikh Nasser secara peribadi mengharapkan agar kerjasama antara kedua-dua negara ini akan terus dipertingkatkan sehingga ke tahap tertinggi.

Selain daripada mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin yang saya nyatakan di atas, saya bersama-sama delegasi Malaysia turut mengambil peluang mengadakan mesyuarat khas dengan Ketua Eksekutif EDB Bahrain, Khalid Al Romaihi. Dalam mesyuarat ini, pelbagai perkara sempat dibincangkan demi

memperkukuhkan lagi kerjasama kedua-dua negara dalam pelbagai aspek termasuk pertahanan.

Sebagai timbal balas, satu delegasi tertinggi ATM yang diketuai Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Tan Sri Raja Mohamaed Affandi bin Raja Mohamed Noor akan ke Bahrain untuk membincangkan lebih lanjut dan terperinci berhubung kerjasama pertahanan dan ketenteraan yang akan dilaksanakan antara ke dua-dua negara. Ini termasuklah untuk mengadakan latihan ketenteraan bersama bagi meningkatkan kemahiran tentera Bahrain dalam peperangan di hutan dan meningkatkan kemahiran tentera Malaysia dalam peperangan di gurun.

Secara keseluruhannya, saya percaya lawatan saya ke Bahrain ini adalah amat penting serta berupaya membentuk hubungan yang lebih akrab antara Malaysia dan Bahrain. Semoga hubungan akrab yang terjalin ini akan terus berkekalan dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. InsyaAllah.

=tamat=

Kenyataan Media

YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia
dan
Menteri Tugas-Tugas Khas

Lawatan Kerja Rasmi ke Republik Rakyat China

Beijing, 23 April 2017

Hari ini berakhirnya lawatan kerja rasmi saya ke Beijing, Republik Rakyat China. Secara keseluruhannya, lawatan rasmi selama 3 hari ini amat berjaya khususnya dari segi memperkukuhkan lagi hubungan diplomasi dan hala tuju pertahanan antara kedua-dua negara yang telah terjalin sejak sekian lama.

Sewaktu di Beijing, saya telah mengadakan pertemuan dengan beberapa pemimpin tertinggi China. Ia termasuklah Naib Pengerusi Suruhanjaya Tentera Pusat Republik Rakyat China, TYT Jeneral Xu Qiliang; *State Councilor of the State Council*, TYT Yang Jiechi; Menteri Keselamatan Awam, TYT Guo Shengkun; dan Menteri Pertahanan Nasional Republik Rakyat China, TYT Jeneral Chang Wanquan.

Dalam pertemuan dengan TYT Jeneral Xu Qiliang, TYT Yang Jiechi dan TYT Guo Shengkun, kami telah membincangkan pelbagai perkara termasuk berkenaan ancaman penyebaran dakwah dan ideologi terrorisme terutamanya dari kumpulan militan DAESH yang semakin menular ke seluruh dunia. Kedua-dua negara juga bersetuju untuk harus memberi perhatian serius dan utama terhadap landskap keselamatan global yang begitu pantas berubah dan semakin mencabar.

Selain itu, kami turut memperhalusi peranan yang perlu dimainkan oleh kedua-dua negara dalam memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan sentiasa terpelihara. Pada masa sama, ketiga-tiga mereka turut menyatakan pendirian teguh untuk terus bekerjasama rapat dengan Malaysia dalam usaha mempertahankan keamanan dan keselamatan serantau serta antarabangsa.

Sementara itu, sewaktu mesyuarat rasmi bersama rakan sejawat saya TYT Jeneral Chang Wanquan, beliau secara peribadi melahirkan rasa bangga dan gembira atas kerjasama yang semakin erat dalam bidang ketenteraan dan pertahanan antara Malaysia dan China. Perkembangan positif ini telah membawa kepada cadangan penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi atau *High Level Committee (HLC)* antara kedua-dua negara. Penubuhan HLC ini bertujuan membolehkan Malaysia dan China mengenal pasti bentuk kerjasama yang lebih pratikal dan berpotensi dilaksanakan khususnya dalam aspek pertahanan yang lebih tersusun dan berstruktur di peringkat tertinggi.

Dalam pada itu, kami juga telah bersetuju bahawa untuk meningkatkan hubungan dua hala, Malaysia dan China perlu mengadakan pertukaran lawatan yang lebih kerap pada masa yang akan datang dengan tujuan menambah baik aspek komunikasi, persefahaman serta memperkukuhkan lagi kepercayaan antara kedua-dua negara. **Sebagai permulaan, saya telah mengarahkan Panglima Tentera Darat; Jeneral Dato' Sri Zulkiple Haji Kassim serta Panglima Tentera Udara Malaysia; Jeneral Datuk Seri Affendi Buang TUDM untuk mengadakan lawatan rintis ke China dalam masa terdekat untuk membincangkan lebih lanjut dan terperinci berhubung kerjasama pertahanan dan ketenteraan yang dilaksanakan antara kedua-dua negara.**

Sewaktu mesyuarat bersama Jeneral Chang Wanquan itu juga, saya mengambil kesempatan untuk berkongsi maklumat berkaitan penubuhan *King Salman Centre For International Peace (KSCIP)* yang sedang diusahakan secara bersama oleh Malaysia dan Arab Saudi bertujuan memperkukuhkan kerjasama dalam usaha membendung penyebaran dakwah dan ideologi keganasan serta meleraikan kesalahfahaman dan pandangan negatif terhadap Islam.

Kami turut membincangkan kerjasama pelbagai hala di bawah bidang kuasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM). Antaranya, kedua-dua negara bersetuju agar *ASEAN-China Maritime Exercise* yang akan datang diadakan di kawasan perairan ASEAN. Langkah ini bertujuan memperkasakan kerjasama pertahanan dan meningkatkan kebolehooperasian antara negara yang terlibat untuk

bertindakbalas terhadap ancaman maritim. Perkara ini akan dimuktamadkan dalam masa yang terdekat.

Saya turut menyaksikan pemeteraian subkontrak antara *Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd* (BNSSB) dengan *China Shipbuilding & Offshore International Co. Ltd* (CSOC) berhubung pembinaan secara bersama 4 buah kapal *Littoral Mission Ship* (LMS) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Perolehan kapal LMS ini merupakan sebahagian daripada perancangan di bawah Pelan Transformasi 15 to 5 yang sedang dilaksanakan TLDM ketika ini. 2 kapal pertama daripada 4 buah LMS ini bakal dibina di China. Kepakaran dan kos yang lebih rendah di China seterusnya akan digunakan BNSSB untuk tujuan pembinaan 2 lagi kapal di Malaysia. Perolehan LMS ini merupakan sejarah penting buat negara memandangkan ini merupakan kali pertama Malaysia membeli aset pertahanan dari China.

Sewaktu lawatan kerja rasmi ini juga, saya berpeluang mengadakan pertemuan dengan *Chairman of Peking University Council*, Profesor Hao Ping seterusnya menyaksikan majlis pemeteraian memorandum persefahaman antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan Universiti Peking, Republik Rakyat China. Saya dan Profesor Hao Ping sepakat bahawa pemeteraian memorandum persefahaman ini berupaya memperkukuh kerjasama antara kedua-dua universiti termasuk melaksanakan lebih banyak program pertukaran pelajar serta *Research and Development* (RND) secara bersama.

Secara keseluruhannya, saya percaya lawatan saya ke Beijing ini adalah amat penting serta berupaya memperkukuhkan hubungan diplomasi dan kerjasama pertahanan dengan China. Semoga hubungan akrab yang terjalin ini akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa mencakupi pelbagai bidang yang masih belum diterokai. InsyaAllah.

=tamat=

**Joint Ministerial Statement of the
10th FPDA Defence Ministers' Meeting
2 June 2017**

The Defence Ministers of Singapore, Malaysia, Australia, New Zealand and the United Kingdom reaffirmed their nations' continued commitment to the FPDA, and commended the FPDA's achievements over the 46 years since its founding in 1971.

The Ministers affirmed that the FPDA is a constructive multilateral agreement and remains an integral part of the region's security architecture. The FPDA has built trust and enhanced interoperability among the militaries of member-nations, promoted respect for international law, and contributed to peace and security in the region.

The Ministers also agreed that terrorism poses a clear and present threat to this region and beyond. In keeping with the FPDA's remit, the Ministers agreed to share intelligence to deal with terrorist threats against Malaysia and Singapore, and further measures to strengthen counter-terrorism activities.

Commending the successful conduct of the recent Exercise *Bersama Lima* in Nov 2016 and Exercise *Bersama Shield* in May 2017, and noting that the scope and complexity of FPDA exercises have grown over the decades, the Ministers committed to continually enhance the operational value of the exercises including incorporating newer capabilities for the mutual benefit of all member-nations.

The Ministers also acknowledged that the FPDA plays a vital confidence-building role in the region and is part of the regional security architecture. They welcomed initiatives to enhance the transparency of the FPDA, and expressed support to enhance the observer programme, where non-FPDA countries in the region could observe FPDA exercises.

Looking forward to celebrating the 50th anniversary of the FPDA in 2021, the Ministers charged officials to work together to ensure that the FPDA continues to remain relevant in the region's security architecture.

As part of the proceedings of the FPDA Defence Ministers' Meeting, the Ministers will call on the Prime Minister of Singapore His Excellency Mr. Lee Hsien Loong at the Istana, and the Prime Minister of Malaysia The Right Honourable Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak via video-conference.

Press Statement

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Minister of Defence, Malaysia

IISS Shangri-La Dialogue 16th Asia Security Summit

Singapore, 4 June 2017

I am currently in Singapore attending the IISS Shangri-La Dialogue 16th Asia Security Summit, organized by the International Institute for Strategic Studies. During my working visit, I had the opportunity to hold several bilateral meetings with a few of my counterparts, namely HE Dr Ng Eng Hen (Minister for Defence, Singapore), HE General (Rtd) Ryamizard Ryacudu (Minister of Defence, Indonesia), Senator the Honourable Marise Payne (Minister for Defence, Australia), HE Sylvie Goulard (Minister for Armed Forces, France), HE General James Mattis (Secretary of Defence, United States of America) and HE Tomomi Inada (Minister of Defense, Japan). The discussions focused on matters related to bilateral and multilateral defence relations, especially our roles in facing the dynamics of regional security environments.

For the IISS Shangri-La Dialogue, I spoke during the 3rd Plenary titled "New Challenges For Crisis Management In The Asia-Pacific" alongside HE Harjit Singh Sajjan (Minister of National Defense, Canada) and General Zubair Mahmood Hayat (Chairman, Joint Chiefs of Staff Committee, Pakistan Armed Forces). During my address, I highlighted the 5 challenges that I feel are most relevant at present – the proliferation of DAESH's Asia-Pacific ambitions, the escalating tension and volatility in the Korean Peninsula, inconsistencies in the quest for hegemony over the South China Sea, the democratisation of information flow, the vulnerable cyber security infrastructure and finally, the rise of authoritarian and populist nationalism sentiments as antithesis to globalization.

In addressing these challenges, I proposed 5 solutions – championing moderation both within and across borders, renewing commitments to regional and international cooperation, building trust and confidence with common humanitarian objectives, making security relevant in this digital age and portraying bold, firm, yet compassionate leadership. Most importantly, I reminded the delegates that when facing threats such as religious extremism; no one country can go at it alone. It is crucial now more than ever, that we put a united front, build a coalition and a movement of moderates with like-minded nations, to be the voice of reason to counter terrorism and extremism - a principle which have guided Malaysia's recent overtures in foreign policy.

The sidelines of the Shangri-La dialogue also hosted the ASEAN – US Defence Ministers' Informal Gathering where the Defence Ministers and representatives of all 10 countries welcomed General James Mattis, who recently succeeded Ashton Carter as the United States' Secretary of Defense under the leadership of President Donald Trump. The gathering provided a platform for discussions on the issues faced by the region, ranging from the threat of the Islamic State or DAESH, the development in the South China Sea and escalating tensions in the Korean Peninsula.

I reiterated to Secretary Mattis the commitment made by the 10 ASEAN Defence Ministers who signed a joint statement conveying our strong condemnation against DAESH and similar organizations under Malaysia's chairmanship in Langkawi on 16 March 2016. Secretary Mattis expressed his agreement on how important it is for ASEAN nations to collectively do more in addressing these mutual challenges, to ensure peace and security and gave assurances that the US will provide unwavering support to the region. The gathering also highlighted the upcoming launching of the trilateral maritime patrol, a partnership between Malaysia, Indonesia and the Philippines that will provide greater security at the Sulu and Sulawesi Sea areas via joint patrols.

On the sidelines of the Shangri-La Dialogue, the Defence Ministers of Australia, Malaysia, New Zealand, Singapore and the United Kingdom also came together for the Five Powers Defence Arrangement Defence Ministers' Meeting (FDMM) where we reaffirmed our respective commitments to the FPDA and its importance in enhancing regional cooperation and security. All Ministers were also in unison that terrorism poses a clear and present threat to this region and beyond.

In keeping with the FPDA's remit, we agreed to share intelligence to deal with terrorist threats against Malaysia and Singapore, and further measures to strengthen counter-terrorism activities. We also welcome initiatives to enhance the transparency of the FPDA, and expressed support to enhance the observer programme, where non-FPDA countries in the region could observe FPDA exercises. With the 50th anniversary of the FPDA around the corner, all five ministers will continue to work together to ensure that the FPDA continues to remain relevant in the region's security architecture.

- end -

PRESS STATEMENT
Y.B DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN
MINISTER OF DEFENCE MALAYSIA
OFFICIAL LAUNCH OF LIMA'17
MINDEF AUDITORIUM, 23 JUNE 2017

Since its debut in 1991, the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) have provided the maritime and aerospace industry with a unique platform for networking and business opportunities, functioning as a gateway to Asia Pacific's dynamic markets.

Today, it is with great pride, that I announce LIMA will be returning next year for its 14th instalment from 21-25 March, 2017 in Langkawi.


With our new organisers, EN Projects Sdn Bhd, the upcoming LIMA'17 seeks to be the most impactful one yet, expecting 550 exhibitors from 38 countries and is looking to display at least 80 aircrafts and 68 warships and boats. With the growth of targeted exhibitors and displays, the upcoming LIMA also expects an increase in trade visitors and delegates to 40,000 and 380 respectively.

In response to industry developments, we have also extended the range of programmes for LIMA'17; including its business matching programmes and meetings and conference, to increase the participation of the commercial sector and help businesses and delegates to better achieve their objectives at the event.

Not forgetting the general public, LIMA'17 has incorporated engaging and fun activities such as LIMA Fest, LIMA Career Fair and LIMA Concert, each carefully crafted to not only involve the public, but also to encourage a higher participation amongst Malaysian youths.

For the past 25 years, the exhibition has been steadily increasing in numbers of exhibitors, delegates, trade visitors, and participating nations. I would like to thank the local and global participants, the general public, and the ministries involved, who has spared no effort in making sure LIMA remains the pinnacle of maritime and aerospace exhibition.


Lastly, I would like to thank each and every one of you for taking the time off your busy schedule, to join us today for the launch of the 14th Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA'17).



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (25) 1/07


LT KOL SALAMATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

KARNIVAL MINI MINDEF DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) SEMPENA MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM) AIDILFITRI 2017

1. Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) merupakan **acara tahunan peringkat nasional** yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Rumah terbuka ini meraikan perayaan-perayaan keagamaan yang disambut oleh pelbagai kaum di Malaysia termasuklah Tahun Baru Cina, Deepavali, Pesta Kaamatan, Krismas dan juga Hari Raya Aidilfitri. **MRTM Aidilfitri 2017** akan diadakan pada **15 Julai (Sabtu)** bertempat di **Stadium Mini Taman Sri Lambak, Sembrong, Kluang, Johor** yang akan dihadiri oleh:

- a. Perdana Menteri Malaysia, **YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak** dan isteri, **YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor.**
- b. Timbalan Perdana Menteri, **YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi** dan isteri, **YABhg Datin Sri Hamidah Khamis.**
- c. Menteri Besar Johor, **YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin** dan isteri, **YABhg Datin Rosni Omar.**
- d. Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Sembrong, **YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein** dan isteri, **YM Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah.**
- e. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, **YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.**

2. Rumah terbuka ini bertujuan untuk memupuk perpaduan dan persefahaman masyarakat pelbagai kaum, menyemarakkan semangat 1Malaysia serta mengetengahkan tradisi sambutan perayaan di Malaysia sebagai salah satu wadah pelancongan negara.

3. Antara kelainan untuk MRTM Hari Raya Aidilfitri tahun ini adalah penggunaan konsep NBOS untuk pertama kalinya di mana penglibatan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia dilihat sebagai suatu elemen yang menjadi *wow factor* dan nilai tambah yang membantu untuk menjayakan majlis ini.

4. Penglibatan ATM dalam Majlis Rumah Terbuka Malaysia ini yang bermula 13 hingga 15 Julai 2017 ini akan menonjolkan ATM sebagai tonggak utama perisai pertahanan negara yang menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia menikmati hidup aman dan damai hasil dari pengorbanan warga ATM dalam

mempertahankan kedaulatan negara tercinta ini. Ia turut menzahirkan konsep "Tentera dan Rakyat Berpisah Tiada" dengan pameran aset dan promosi serta pelaksanaan program jiwa murni supaya rakyat mengenali ATM lebih dekat lagi dan memahami peranannya. Seramai lebih kurang 1000 anggota tentera dari pelbagai pangkat akan terlibat secara langsung dalam penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia pada kali ini.

5. Penglibatan ATM dalam Majlis Rumah Terbuka Malaysia ini merupakan nilai tambah yang dijangka akan turut menjadi tarikan utama kepada pengunjung-pengunjung untuk sama-sama hadir bukan sahaja di kawasan Parlimen Sembrong malah dari seluruh Negeri Johor untuk turut hadir beramai-ramai.

6. **Penglibatan ATM.** Penglibatan ATM dibahagikan kepada 4 komponen utama seperti berikut:

- a. Promosi dan Pameran.
- b. Demonstrasi Masakan Di Medan.
- c. Program Jiwa Murni.
- d. Persembahan Gabungan dan Seni Ketenteraan.

7. **Promosi dan Pameran.** Promosi terhadap organisasi dan peranan ATM akan menonjolkan projeksi imej dan keupayaan ATM supaya rakyat lebih dekat dan mengetahui tentang kepentingan strategik ATM kepada negara. Paling signifikan juga adalah pameran terhadap sebahagian aset-aset utama yang terdapat di dalam inventori ATM.

8. Penglibatan aset-aset ATM dalam pameran ini seperti dipaparkan: Ia terdiri dari pelbagai jenis kenderaan perisai tempur, sistem pertahanan udara aras rendah, sistem artileri, sistem komunikasi tempur, pelbagai sistem persenjataan infantri, kenderaan pembawa senjata, sebuah pesawat helikopter EC 725 TUDM, sebuah pesawat helikopter Agusta A 109 TD dan sebuah pesawat helikopter Super Lynx TLDM serta terdapat juga *Dental Bus* dan 2 buah *Medical Prime Mover* yang akan membuat program jiwa murni. Berikut adalah aset-aset yang akan dipamerkan:

- a. Pendekar
- b. Gempita 8 X 8
- c. ADNAN (120mm, 81mm dan pembawa Inf)
- d. MIFV (12.7mm dan AVR)
- e. Lipan Bara
- f. 155mm G5 MK II
- g. 105mm PH L5
- h. IGLA (SLU)
- i. Huggland
- j. Peralatan Semboyan
- k. KPS G Wagon
- l. Vamtac
- m. Agusta
- n. Super Lynx
- o. EC725
- p. *Dental Bus*
- q. *Medical Prime Mover*
- r. Dapur Medan

- s. *Meal on Wheel (Food Truck)*
- t. RTBK

9. **Demonstrasi Masakan Medan.** Tiga demonstrasi akan dilaksanakan iaitu:

- a. **Rangsum Tempur Bungkus Kantung dan Ikhtiar Hidup** – Demonstrasi masakan rangsum tempur ATM dan masakan makanan survival dari sumber alam semulajadi yang akan diagihkan kepada orang ramai yang ingin mencuba.
- b. **Dapur Medan dan *Meal on Wheel (Food Truck)*** – Masakan menggunakan dapur medan akan dilaksanakan dan diagihkan kepada orang ramai yang ingin mencuba.
- c. **Demonstrasi *Survival Village*** – Demonstrasi *Survival Village* bertujuan untuk memperkenalkan kemampuan warga tentera di dalam meneruskan kelangsungan hidup di waktu kesulitan di medan dengan menggunakan segala sumber semula jadi di medan.

10. **Program Jiwa Murni.**

- a. **Pemeriksaan Kesihatan** – Perkhidmat perubatan merangkumi pemeriksaan mata, kesihatan dan pergigian kepada orang ramai. Untuk Pemeriksaan Mata akan diadakan satu hari pada 12 Jul 17, manakala Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian bermula pada 13 Jul 17 hingga 15 Jul 17.
- b. **Gotong Royong** – Akan dilaksanakan di dua tempat iaitu Masjid Mardi dan Tanah Wakaf Sri Lambak.

11. **Persembahan Gabungan.** Gabungan persembahan Badan Kesenian Mindef bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara berkonsepkan hari raya.


12. **Persembahan Seni Ketenteraan.** ATM akan mengadakan beberapa persembahan iaitu, Kawad Senyap (TLDM) dan Drumliner (TUDM) pada 13 Julai 2017 jam 1000 hingga 1100 dan 1530 hingga 1630 dan Para Dance dari 10 Briged (Para) pada 15 Julai 2017 jam 2000.

Keterangan lanjut:

1. Lt Kol Salawati binti Yahaya, Ketua Seksyen Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 03-20715725/019-2355873
2. En. Hadi Fazli bin Rusli, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 012-5943842
3. Mej Mohd Riduan bin Yusoff, PS 2 Media (Darat), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 03-2071 5745/012-5002243.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
13hb Julai 2017



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (26) 02/07

MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 24 JULAI – Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Pertahanan secara tradisi diadakan di Dewan Seroja dan Padang Kawad Kem KEMANTAH.


Dijangka seramai lebih 17 ribu orang tetamu yang terdiri daripada jemputan khas, warga Kementerian Pertahanan, anggota ATM dan orang awam menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Pertahanan kali ini.

Bersempena majlis ini, Kementerian Pertahanan mengambil peluang meraikan beberapa golongan hadirin iaitu dengan memberikan sumbangan duit raya. Mereka yang menerima sumbangan ini adalah: 10 ahli Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP), 15 pelajar tahfiz, 32 anak-anak Yayasan Chow Kit, 30 Veteran ATM, 20 pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dan 5 orang anak-anak ahli Pusanita yang berkelainan upaya.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Pertahanan dijangka akan lebih meriah di sebelah malamnya dengan kehadiran Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak dan menteri-menteri kabinet.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
24hb Julai 2017**


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 ()01/08

MEDIA HANDOUT

RAPTAI ISTIADAT PERBARISAN PENGANUGERAHAN *BATTLE HONOUR* DAULAT FEB 2013

1. Perbarisan Penganugerahan *Battle Honour* DAULAT FEB 2013 akan dilaksanakan pada **11 Ogos 17 (Jumaat)** bertempat di **Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah**. Perbarisan ini akan melibatkan lebih kurang **230 pegawai dan 1,880 anggota** secara keseluruhannya. Perbarisan ini akan dilaksanakan pada sebelah malam dengan berkonsepkan gabungan Perbarisan Istiadat dan Tempur yang akan melibatkan sebanyak 24 Panji-Panji Rejimen pasukan yang terlibat dalam Operasi DAULAT pada tahun 2013. Ianya meliputi 12 Panji-Panji daripada Tentera Darat (TD), 3 Panji-Panji daripada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan 9 Panji-Panji daripada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Perbarisan ini juga akan turut dihadiri oleh tetamu kenamaan seperti berikut:

- a. Ketua Menteri Sabah, **Y.A.B. Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman**.
- b. Menteri Pertahanan Malaysia, **YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein**.
- c. Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum**.
- d. Panglima Angkatan Tentera, **YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Nor**.

2. **Pameran dan Promosi**. Selain daripada Istiadat Perbarisan Penganugerah *Battle Honour* ini, pihak ATM juga mengadakan Pameran Statik dan Aset yang akan bermula pada jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang. *Booth* Pameran serta Promosi Kerjaya akan diadakan di sekitar Padang Merdeka, Kota Kinabalu di samping selingan persembahan lain yang akan turut dipersembahkan. Antaranya ialah Persembahan Kawad Senyap daripada TLDM dan juga Persembahan Pancaragam ATM. Pada sebelah malam pula akan dipersembahkan Persembahan Hiburan untuk semua rakyat Negeri Sabah yang akan melibatkan Badan Kesenian ATM. Aset-aset ATM seperti kenderaan berperisai dan persenjataan yang digunakan ATM semasa berlakunya konflik pencerobohan di Lahad Datu akan dipamerkan pada hari tersebut:

- a. G- Wagon (AGL)
- b. G- Wagon (HMG)
- c. GK M1 (AGL)
- d. GK M1 (HMG)
- e. *Meal on Wheel (Food Truck)*

- f. Dapur Medan
- g. *Malaysian Infantry Fighting Vehicle (MIFV)*
- h. KPS dan Meriam
- i. Condor
- j. AV8 Gempita
- k. Lipan Bara
- l. Kenderaan Pertahanan Udara
- m. *Dental Bus (BICUSPID)*
- n. *Medical Prime Mover*

3. **Signifikan acara.** Tanggal 11 Feb 13 memahatkan sejarah apabila kedamaian Negara dicemari oleh detik hitam ekoran pencerobohan kumpulan pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Pencerobohan ini telah menggugat kedaulatan Negara sekaligus menjejaskan kesejahteraan penduduk setempat serta di sekitar Timur Sabah. Insiden ini memberi kesan yang besar kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat di negeri Sabah.


4. Jadi, pemilihan Kota Kinabalu sebagai lokasi perbarisan ini adalah mengambil kira Kota Kinabalu sendiri yang merupakan ibu Negeri Sabah dan secara tidak langsung, rakyat Sabah akan dapat bersama-sama menyaksikan perbarisan ini serta mengimbuai kembali peristiwa tersebut. Dengan kemudahan fasilitas yang baik di Kota Kinabalu juga menjadi salah satu faktor pemilihan tempat perbarisan tersebut.

Keterangan lanjut:

1. **Mej Salamah binti Jakaria TUDM, PS 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 019-3723901.**
2. **Kapt Muhammad Afifi Azham bin Mohd, PS 3 Media (Darat), Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan di talian 019-2513657.**

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
09 OGOS 2017**


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA




Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (27) 02/08

**PAMERAN STATIK DAN ASET ANGKATAN TENTERA MALAYSIA SEMPERNA
ISTIADAT PERBARISAN PENGANUGERAHAN BATTLE HONOUR
'DAULAT FEB 2013'**

1. Bersempena dengan Istiadat Perbarisan Penganugerahan Battle Honour 'Daulat Feb 2013' pada 11 Ogos 2017, pihak ATM juga mengadakan Pameran Statik dan Aset di perkarangan Padang Merdeka yang akan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Pameran Statik dan Aset ATM ini dibuka kepada orang ramai.
2. Aset-aset ATM seperti kenderaan berperisai dan persenjataan yang digunakan semasa berlakunya konflik pencerobohan Lahad Datu. Pengunjung yang hadir berpeluang merasai pengalaman baru untuk melihat dengan lebih dekat aset-aset tersebut.
3. Ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM (Tentera Darat (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)) turut terlibat mengadakan pameran perkhidmatan masing-masing. Orang ramai berpeluang melihat dan memahami dengan lebih jelas peranan elemen-elemen dalam ATM yang terbahagi kepada elemen tempur, elemen bantuan tempur dan elemen bantuan perkhidmatan. Peranan setiap elemen ini amat penting dalam menjayakan setiap operasi yang dijalankan.


LT COL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Parhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

4. Selain pameran aset-aset, Pameran Kerjaya juga turut diadakan bagi menarik minat dan membuka peluang kepada rakyat di negeri Sabah terutamanya di Kota Kinabalu yang berminat untuk menyertai ATM dan menjadikan sebagai kerjaya pilihan. Di booth pameran kerjaya setiap perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) orang ramai boleh mendapatkan semua maklumat yang diperlukan untuk menjadi seorang anggota ATM.
5. Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian secara PERCUMA juga disediakan. Malah, Field Hospital (Hospital Medan) juga didirikan disini bagi memberi peluang orang ramai melihat sendiri bagaimana anggota Kor Kesihatan Diraja (KKD) menjalankan operasi merawat anggota di medan/ kawasan operasi.
6. Selain pameran, turut diadakan persembahan ATM di Padang Merdeka bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Persembahan terdiri daripada persembahan Band D'Bampflyde, persembahan Gelombang Biru (TLDM), persembahan dari Pancaragam Pusat Rejimen Renjer Diraja, persembahan Kawad Senyap TLDM dan persembahan dari Pancaragam Pusat TUDM. Persembahan Band D'Bampflyde dan Badan Kesenian ATM pula akan bersambung pada sebelah malam setelah selesai Istiadat Perbarisan Penganugerahan Battle Honour Daulat Feb 2013.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Mej Salamah binti Jakaria TUDM di talian 019-3723901 atau Kapt Muhammad Affi Azham bin Mohd di talian 019-2513657.

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
11 OGOS 2017**



Siaran AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 (27) 01/09

9 Sep 2017

NOTIS PENGUMUMAN

UNTUK SIARAN SEGERA

PELEPASAN TIM TINJAUAN BAGI MISI KEMANUSIAAN PELARIAN ROHINGYA

Subang, 9 Sep 2017 - Pelepasan Tim Tinjauan bagi Misi Kemanusiaan Pelarian Rohingya akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di Pangkalan Udara Subang.

Seramai 12 orang pegawai dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan pegawai awam Kementerian Pertahanan akan berlepas ke Bangladesh. Tim tinjauan ini dibahagikan kepada 2 tim yang melibatkan tim tinjauan ke Dhaka yang diketuai oleh Leftenan Jeneral Dato' Abdul Halim Bin Hj Jalal, Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tim tinjauan ke Chittagong yang diketuai oleh Laksamana Muda Dato' Pahlawan Haji Mohamad Adib bin Abdul Samad, Ketua Staf Markas Angkatan Bersama (MK AB). Penerbangan ke Chittagong juga melibatkan 12 krew pesawat A400M TUDM dan juga barang-barang makanan sumbangan iM4U seberat 7 ton.

Tinjauan tim ini adalah bertujuan bagi mendapatkan gambaran sebenar dan mengenal pasti bentuk bantuan kemanusiaan yang mampu disediakan oleh Kementerian Pertahanan dan ATM. Tinjauan yang akan dilaksanakan meliputi keperluan berikut:

- a. Rancangan Penempatan Kontinjen ATM.
- b. Bentuk bantuan fizikal yang akan disediakan oleh Kerajaan Bangladesh meliputi *force protection*, kemudahan kenderaan, kemudahan perhubungan, penginapan/sajian, lokasi penyimpanan peralatan, dan peralatan sokongan kecemasan seperti generator dan bahan bakar.
- c. Bentuk bantuan fizikal yang diperlukan oleh Kerajaan Bangladesh.

-tamat-


LT KOL SELAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
9 Sep 2017



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (29)(03/09)

PERKHIDMATAN KESIHATAN ATM TERIMA PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI UBAT - UBATAN

Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi menyerahkan RM10 juta waran peruntukan tambahan kepada Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Hj. Ya'akop bin Koming pada 26 September 2017 (Selasa) di Wisma Pertahanan Kuala Lumpur.

Penyerahan waran peruntukan tambahan ini adalah merupakan alternatif kerajaan bagi memenuhi keperluan semasa bekalan ubat-ubatan dan barang pakai habis perubatan khususnya kepada warga dan veteran ATM. Peruntukan ini untuk perolehan ubat-ubatan bagi membantu Kerajaan dalam menampung pesakit yang terdiri dari warga dan veteran ATM disebabkan penamatan Kontrak Bekalan Ubat oleh Oratis. Selain itu peruntukan ini juga akan digunakan untuk perkhidmatan baharu yang disediakan khas untuk veteran ATM seperti urologi , kardiologi dan respiratori serta bagi menampung kos pemeriksaan makmal.

Peruntukan ini akan digunakan di tiga (3) buah hospital Angkatan Tentera (HAT) iaitu HAT Tuanku Mizan, Kuala Lumpur, 94 HAT Terendak, Melaka dan 96 HAT Lumut, Perak. Disamping itu, peruntukan ini juga akan digunakan di lain-lain Pusat Perubatan ATM termasuk bagi menampung keperluan program jiwa murni.


Kementerian Pertahanan dari semasa ke semasa akan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif demi memastikan kebajikan setiap anggota tentera, keluarga dan veteran ATM. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif program hala tuju Kementerian Pertahanan di bawah teras kebajikan yang sentiasa diberi keutamaan oleh Y.B. Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein.

-Tamat-

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
27 SEPTEMBER 2017 (Dikeluarkan jam 5.00 petang)

1


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (31) 02/10

HARI SUKAN NEGARA 2017 PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

Hari Sukan Negara 2017 Peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh **Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Mohd Zainy bin Mohamed Zain** pada **14 Oktober 2017 (Sabtu), jam 7.30 pagi** bertempat di **Padang Kawad Kem KEMENTAH, Kementerian Pertahanan.**

Hari Sukan Negara yang diadakan pada **14 Oktober 2017 (Sabtu)** ini adalah **acara yang disambut** serentak seluruh negeri di Malaysia. Inisiatif yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan ini yang ingin melihat masyarakat Malaysia sentiasa cergas dan sihat dengan menjadikan aktiviti senaman sebagai rutin riadah harian telah disokong sepenuhnya oleh Kementerian Pertahanan.

Justeru, Kementerian Pertahanan melalui program ini telah memutuskan untuk melaksanakan 3 jenis sukan yang boleh disertai semua warga Kementerian Pertahanan termasuk Angkatan Tentera Malaysia dan agensi-agensi serta bahagian-bahagian di bawah naungannya. Sukan tersebut adalah senamrobik, *Fun Run* dan *Fun Walk* dan ia dilaksanakan di Padang Kawad Kementerian Pertahanan. Acara turut diserikan dengan kehadiran 12 orang atlet ATM yang terlibat dengan Sukan SEA 2017 dan juga 'Rimau', maskot Sukan SEA. Pusanita Kementerian Pertahanan juga mengambil inisiatif menjalankan sukaneka untuk anak-anak warga MinDef untuk memeriahkan lagi acara. Dijangka seramai 1,000 orang warga Kementerian Pertahanan terlibat untuk menjayakan program ini.

Selain daripada Kementerian Pertahanan, semua Kementerian / Agensi Kerajaan lain juga turut menganjurkan sekurangnya 1 Sukan untuk disertai kakitangan, keluarga dan komuniti mereka.

Aktiviti yang dijalankan ini adalah berlandaskan **Prinsip 3M (Menarik, Mudah dan Murah)**. Program dan aktiviti yang dimaksudkan merangkumi **semua jenis sukan dan kecergasan yang melibatkan pergerakan fizikal** termasuk pertandingan, pertunjukan, riadah, sesi mencuba dan juga program berbentuk pengetahuan seperti bengkel, seminar dan lain-lain yang berkaitan.

Turut hadir ke program ini adalah Ahli Majlis Pengurusan Tertinggi MinDef, Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi En Hadi Fazli bin Rusli, Pegawai Komunikasi Strategik, Unit Komunikasi Strategik di talian 012-5943842.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
14hb Oktober 2017**

**SENARAI KEHADIRAN ATLET SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017
YANG AKAN HADIR KE SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA
PADA 14 OKT 2017**

Bil	Pingat/ Pencapaian	Acara	Atlet ATM	Catatan
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
Atlet Olahraga				
1.	Perak	100m dan 200m	6248816 Pbt Zaidatul Husniah binti Zulkifli	
2.	Emas	10,000m Jalan Kaki	8009225 LK I TNL Elena Goh Ling Yin	
3.	Gangsa Rekod Kebangsaan	Lompat Bergalah	6252907 Pbt Iskandar bin Alwi	
4.	Perak	100m Lari Berpagar	5501683 LK I TNL Raja Nursheena binti Raja Azhar	
5.	Perak Rekod Kebangsaan	Melempar Cakera	8009221 LK I PRL Choo Kang Ni	
6.	Perak	Lompat Tinggi	8006640 LK I PNK Lee Hup Wei	
7.	Emas	Lompat Tinggi	8008299 LK I TNL Nauraj Singh Randhawa	
8.	Rekod Kebangsaan	4 x 100m	8008637 LK I KOM Nixson anak Kennedy	Tiada Pingat
9.	Rekod Kebangsaan	Heptathlon	8008566 LK I PNK Norliyana binti Kamaruddin	Tiada Pingat
Atlet Menembak				
1.	Emas	50m Rifle Prone Lelaki	837053 LK I PRL Muhammad Ezuan bin Nasir Khan	
2.	Gangsa	50m Rifle 3 Position Wanita	Lt Nur Suryani binti Mohd Taibi TLDM N405274	
Muay				
1.	Emas	54-57 Kg	1188997 Pbt Ain bin Kamarudin	



Siaran

AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (33) 04/10

PENGLIBATAN MALAYSIA DI PAMERAN PERTAHANAN DAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA BAHRAIN (BAHRAIN INTERNATIONAL DEFENCE EXHIBITION AND CONFERENCE) 2017 BAHRAIN

Manama, BAHRAIN, 19 OKT 17 – Buat pertama kalinya Malaysia menyertai Pameran Pertahanan dan Persidangan Antarabangsa Bahrain (BIDEC) 2017 yang telah diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Bahrain bermula 16 sehingga 18 Oktober 2017.

Penyertaan Malaysia di BIDEC 2017 merupakan cetusan idea dan inisiatif Menteri Pertahanan Malaysia merangkap Menteri Tugas-tugas Khas, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bagi mengukuhkan lagi hubungan Malaysia dengan Negara-negara Teluk (GCC) khususnya Bahrain.

Bagi merealisasikan hasrat YB Menteri Pertahanan, Bahagian Industri Pertahanan di bawah Kementerian Pertahanan dan dibantu Defence Services Asia (DSA) Sdn Bhd sebagai koordinator untuk pameran kali ini telah berjaya mengumpulkan tujuh syarikat pertahanan tempatan untuk melaksanakan pameran ini di bawah Malaysia Pavilion.

Syarikat-syarikat tersebut adalah terdiri daripada Defence Services Asia (DSA) Sdn Bhd, EN Projects (M) Sdn Bhd (LIMA '19), Boustead Holdings Berhad, Westar Defence Industry, DRB-HICOM Defence Technologies Sdn Bhd (DEFTECH), Destini Bhd dan System Consultancy Services Sdn Bhd (SCS).

Penyertaan Malaysia di BIDEC 2017 sekaligus merupakan salah satu siri jelajah bagi Defence Services Asia (DSA) Sdn Bhd dalam mempromosikan acara dwitahunan Defence Services Asia (DSA) ke-16 yang akan berlangsung pada 16 hingga 19 April 2018 di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa atau Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur.

Delegasi Kementerian Pertahanan Malaysia ke BIDEC 2017 diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM; Panglima Armada Pemerintahan Armada Barat, Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohamed Roslan bin Mohamad Ramli; Ketua Eksekutif MIDAS, Leftenan Jeneral Dato' Suhaimi bin Hj Mohd Zuki; Panglima Pendidikan dan Latihan TUDM, Mejar Jeneral Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta Kedutaan Malaysia.

Kehadiran Panglima Angkatan Tentera Malaysia bukan hanya sekadar menjadi Ketua Delegasi untuk Malaysia Pavilion bahkan beliau diberi penghormatan menyampaikan ucapan dan berkongsi idea dengan tajuk ucapannya "Security Challenges and Opportunities" dalam Middle East Military Alliances & Coalitions Conference (MEMAC) sempena BIDEC 2017.

Dalam rangka memperkenalkan serta menarik minat rakan strategik industri pertahanan, penganjur DSA Sdn Bhd sememangnya bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertahanan Malaysia.

Sepanjang BIDEC 2017 pengurusan tertinggi Malaysia telah menyaksikan Majlis Tandatanganan Dokumen penyertaan Syarikat Leonardo, Itali di DSA 2018.

Disamping itu, beberapa siri perjumpaan dan perbincangan dibuat oleh Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan, En Wan Mohd Asraf Wan Salleh dan Pengurus Besar DSA, Pn Anita Jacobson dengan beberapa syarikat luar antaranya Industri Pertahanan Pakistan; Military Industries Cooperation, Arab Saudi; Saden Al Raba Holding Group, Arab Saudi; Rosoboronexport, Rusia dan Industri Pertahanan Jordan.


BIDEC 2017 merupakan pameran pertahanan antarabangsa yang julung kali diadakan oleh kerajaan Bahrain dengan penyertaan 180 pempamer yang terdiri daripada 39 negara. Ia membuka peluang kepada industri pertahanan pelbagai negara bagi mempamerkan barangan dan berkongsi idea tentang keselamatan dan pertahanan disamping mengeratkan lagi hubungan Bahrain dengan negara luar yang terlibat.

BIDEC 2017 telah dirasmikan oleh His Majesty King Hamad bin Isa Al Khalifa, Kingdom of Bahrain merangkap Penaung BIDEC 2017.

-TAMAT-

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
19 Okt 2017**


LT KOL SALLEHWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

KETERANGAN GAMBAR:

PIX 1a & 1b - Panglima Angkatan Tentera Malaysia, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor salah seorang speaker untuk Middle East Military Alliances & Coalitions Conference (MEMAC) sempena BIDEC 2017.

PIX 2 - Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor menyambut kunjungan His Highness Brigadier Shaikh Nasser bin Hamad Al Khalifa, Komander Pengawal Diraja Bahrain (Commander of Bahrain Royal Guard) merangkap Pengerusi BIDEC 2017 di Malaysia Pavilion.

PIX 3 - Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor membuat Kunjungan Hormat ke atas His Highness Brigadier Shaikh Nasser bin Hamad Al Khalifa, Komander Pengawal Diraja Bahrain (Commander of Bahrain Royal Guard) sempena BIDEC 2017.

PIX 4a - Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor membuat Kunjungan Hormat ke atas Panglima Angkatan Tentera United Arab Emirates (UAE), HE Leftenan Jeneral Hamad Mohammed Thani Al Rumaithi di booth EDIC Caracal, UAE.



PIX 4b - Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor mencuba senjata yang dipamerkan di booth EDIC Caracal, UAE.


PIX 5a & 5b - Rundingan di antara Kementerian Pertahanan Malaysia yang diketuai Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affendi Raja Mohamed Noor bersama Syarikat Leonardo, Itali untuk DSA 2018.


PIX 6 - Malaysia Pavilion dikunjungi para pengunjung.

Untuk keterangan lanjut, boleh menghubungi Leftenan Komander Karimah Awi TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik MinDef di talian 018-2345 339.









Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (32) 03/10

20 Okt 2017

MEDIA HANDOUT


SESI DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 PERTAHANAN (TN50D) 20 OKTOBER 2017, DEWAN PERKASA, WISMA PERWIRA ATM

1. Program Transformasi Negara 2050 Negara Pertahanan (TN50D) diadakan demi menyahut seruan kerajaan untuk “Menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi”.
2. Demi mencapai cita-cita tersebut, pihak kementerian sedang giat mengadakan sesi dialog Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D) untuk mengumpul aspirasi daripada warga Kementerian Pertahanan dan ATM untuk mendapatkan pandangan dan juga aspirasi rakyat tentang bagaimana mereka mahu membentuk Malaysia dalam 30 tahun yang akan datang.

PELAKSANAAN

3. Program TN50D dilaksanakan berdasarkan ketetapan berikut:

- 3.1 Nama : **Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D)**
- 3.2 Tarikh : **20 Oktober 2017**
- 3.3 Tempat : **Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM**
- 3.4 Tema : **“Masa Depan Pertahanan Negara”**
- 3.5 Panel : **YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein,
Menteri Pertahanan**
- 3.6 Moderator : **YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi
Bin Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan
Tentera**


LT KOL SALWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

PENYERTAAN

4. Seramai 890 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai tentera dan Lain-lain Pangkat, staf awam Mindef, Veteran ATM dan Industri Pertahanan. Senarai pecahan-peserta adalah seperti berikut:

SENARAI PECAHAN PESERTA TN50D

BIL	PASUKAN	JUMLAH PESERTA
1.	MK ATM	100 Orang
2.	TDM	200 Orang
3.	TLDM	100 Orang
4.	TUDM	100 Orang
5.	AWAM MINDEF	200 Orang
6.	INDUSTRI PERTAHANAN	50 Orang
7.	STRIDE	40 Orang
8.	VETERAN ATM	100 Orang
JUMLAH		890 Orang

5. Adalah diharapkan program TN50D ini dapat direalisasikan dan mencapai objektif yang disasarkan dalam memberi impak positif terhadap masa depan Kementerian Pertahanan dan ATM. Sekian, terima kasih.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut:

- 1. Mejar Salamah binti Jakaria TUDM** - 019-372 3901
Pegawai Staf 2 Media Udara
- 2. En Hadi Fazli bin Rusli** - 012-594 3842
Pegawai Perhubungan Awam

-TAMAT-

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
20 Oktober 2017

Press Statement


YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Minister of Defence and Minister with Special Functions, Malaysia

Riyadh, 29 October 2017

The Ministry of Defence, Malaysia condemns the cowardly terrorist attack on a police bus which took place in the Bahraini capital of Manama last night. We reiterate our full solidarity with the Kingdom of Bahrain, against the menace of violence and terrorism which aims at destabilising order and security in the Kingdom.

Nothing justifies taking innocent lives. Malaysia is united with the families of the victims, the Kingdom of Bahrain, and the Bahraini people. On behalf of the Ministry of Defence, Malaysia and the Malaysian Armed Forces, I would like to convey our sincerest condolences to the leadership and people of the Kingdom of Bahrain.

- end -



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (36) 02/11

PROGRAM WARRIOR CHALLENGE 2017

Sg Besi, 11 Nov 17 - Setelah penganjuran kali pertamanya tahun lepas, Persatuan Veteran ATM sekali lagi menganjurkan Warriors Challenge di UPNM. Acara ini diadakan bagi membantu kutipan derma Kempen Tabung Pahlawan.

Upacara dimulakan dengan sesi taklimat para peserta pada jam 7.30 pagi dan sesi zumba pada jam 8.00 pagi.

Seramai 851 peserta terlibat dengan 22 daripadanya adalah peserta dari luar negara.

Senator Laksmana Tan Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor (Bersara) selaku Presiden PVATM telah merasmikan acara perlepasan para peserta pada jam 8.30 pagi.


Turut hadir untuk acara perasmian adalah YBhg Jeneral Tan Sri Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Naib Canselor UPNM; YBhg Dato' Dr Jesbil Singh, Penolong Naib Canselor Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat UPNM; dan YBhg Brigedier Jeneral Dato' Hj Saharuddin bin Mansor TUDM, Komandan Akademi Latihan Ketenteraan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **En Hadi Fazli bin Rusli**, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik di talian 012-5943842

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
11 November 2017


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (35) 01/11

PROGRAM SUKARELAWAN iM4U PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

KUALA LUMPUR, 11 November, 2017 – Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Pertahanan Malaysia memilih Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn (SMK DTHO) bagi penganjuran Program Sukarelawan iM4U pada kali ini.

Program yang bertemakan iM4U PUSPANITA Kementerian Pertahanan-Prihatin telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha selaku penasihat PUSPANITA Kementerian Pertahanan.

Ketibaan YBhg. KSU bersama YBhg. Datin Sri Zahrah binti Che Hussain Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pertahanan disambut oleh YBhg. Puan Sri Datin Sri Zaleha bt Md Yusof, YDP PIBG SMK DTHO. Program yang dijalankan seawal jam 8 pagi itu turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf TKSU (Pembangunan), YBhg. Dato' Mohd Zainy Bin Mohamed Zain TKSU (Pengurusan), YBhg. Dato' Mohmed Asri Bin Yusof (KP JLKN) dan YBhg. Mej Jen Dato' Mohamad Khir Bin Abdullah (KP JHEV).

Seramai 250 peserta yang terlibat dalam menjayakan program ini antaranya adalah agensi dan jabatan kerajaan seperti Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), warga ATM serta Persatuan PIBG dan pelajar SMK DTHO. Pelbagai aktiviti amal telah dilaksanakan antaranya ialah pembersihan kawasan sekitar, mengecat dinding, menyusun peralatan serta buku-buku dan menggantikan peralatan yang rosak dan lusuh.

Selain daripada itu, gerai-gerai jualan turut dibuka oleh pihak penganjur serta PIBG Sekolah dalam usaha memeriahkan lagi suasana pada program berkenaan. Acara santai iaitu mengacau bubur asyura turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak yang hadir.

Dalam majlis yang sama, pihak PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan turut menyampaikan sumbangan bantuan kebajikan pendidikan kepada tujuh orang anak veteran ATM yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dalam pelbagai jurusan peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menjalinkan siratulrahim di antara ahli PUSPANITA Kementerian Pertahanan bersama agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat disamping memberikan persekitaran yang lebih kondusif serta ceria kepada sekolah dan pelajar selaras dengan objektif utama PUSPANITA iaitu berkhidmat untuk masyarakat dengan slogan Dari Rakyat Untuk Rakyat.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **Lt Mariani Mohamad Rafali TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik** di talian **019-2624408**.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
11 November 2017**


LT KOL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (37) 01/12

12 Disember 2017

MEDIA HANDOUT

MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA KURSUS PEMERINTAHAN DAN STAF MALAYSIA (KPSM) SIRI 46/2017 PADA 13 DISEMBER 2017, DI DEWAN PERKASA, WISMA PERWIRA ATM

KURSUS PEMERINTAHAN DAN STAF MALAYSIA (KPSM) SIRI 46/2017

1. Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (KPSM) adalah kursus anjuran Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT). MTAT adalah merupakan sebuah institusi latihan yang terdiri daripada tiga (3) perkhidmatan ATM dan memiliki ISO 9001:2008 yang diterajui oleh Brigadier Jeneral Dato' Haji Md Yusof bin Aziz. Organisasi ini bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan KPSM dengan kerjasama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) setiap tahun kepada pegawai-pegawai tentera ATM dan negara sahabat yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia serta pegawai PDRM dan APMM. Melalui kursus ini, para penuntut diiktiraf dengan Sijil 'psc' (*Passed Staff College*) dan Diploma Eksekutif Pengajian Strategi dan Pertahanan yang dibangunkan dengan kerjasama MTAT -UPNM.
2. Majlis Penyampaian Diploma KPSM 46/2017 akan **disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum** bagi meraikan kejayaan **163 orang pegawai** yang menamatkan **pengajian selama 49 minggu dari 9 Januari hingga 15 Disember 2017**.
3. **Objektif.** Objektif KPSM adalah bagi melatih peserta kursus untuk menjawat jawatan Pemerintahan dan Staf di dalam perkhidmatan bersama. Antara adalah untuk melahirkan pegawai yang mempunyai keupayaan seperti berikut;
 - 3.1. Menganalisa isu-isu penting berkaitan strategi dan pertahanan di peringkat nasional, serantau dan global.
 - 3.2. Mentaksir faktor-faktor dan konsep dalam struktur pembangunan ketenteraan dan pengurusan organisasi pertahanan.
 - 3.3. Melaksanakan tugas sebagai Pegawai Staf dan Pemerintah dalam suasana kebersamaan di peringkat operasi dan strategik pertahanan.
 - 3.4. Menyelesaikan masalah dan bekerja secara efektif dalam persekitaran yang rumit dan tidak menentu.

PENYERTAAN

4. Pecahan penuntut yang telah berjaya menamatkan mengajian adalah seperti berikut;

SENARAI PECAHAN MENGIKUT PERKHIDMATAN

BIL	PASUKAN	JUMLAH PESERTA	CATATAN
1.	TDM	76 Orang	
2.	TLDM	20 Orang	
3.	TUDM	20 Orang	
4.	APMM	1 Orang	
5.	PDRM	1 Orang	
6.	Luar Negara	45 Orang	28 negara sahabat
JUMLAH		163 Orang	


PENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN

5. Anugerah Komandan (Kertas Akademik)
- Lt Cdr Robert James Mc Caw RNZN (New Zealand).
 - Mej Rosmizal bin Kamarozaman TUDM.
6. Anugerah UPNM (Modul Kajian Polisi dan Strategi).
- Lt Cdr Umer Abbasi PN (Pakistan).
 - Mej Mohammad Jafizul bin Mohammad Jafferi.
7. Anugerah Haigate (Modul Ketenteraan).
- Lt Cdr James Mc Caw RNZN (New Zealand).
 - Mej Mohammad Jafizul bin Mohammad Jafferi.
8. Anugerah Lembaga MTAT (Peserta Kursus Terbaik Keseluruhan KPSM Siri 46/2017)
- Lt Cdr Robert James Mc Caw (New Zealand).
 - Mej Mohammad Jafizul bin Mohammad Jafferi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
13 Disember 2017 (Rabu)**



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (38) 02/12

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN 2017

KUALA LUMPUR, 14 Disember, 2017 – Bagi mendukung hasrat kerajaan, sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan dengan bertemakan **Inovasi Menunjangi Aspirasi TN 50** peringkat Kebangsaan diangkat bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif dalam inovasi ke arah mencapai status kelompok 20 negara-negara hebat berinovasi menjelang 2050.

Bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan, sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2017 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum**.

Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd Johari berkata, salah satu pendekatan yang boleh digunakan ialah **kolaborasi dalam berinovasi**. Melaluinya, budaya *silo* di antara jabatan atau agensi boleh dihapuskan dalam mewujudkan jalinan usahasama strategik dan kerjasama berpasukan.

Kata beliau, dalam usaha kita memperolehi perspektif yang lebih luas dan cadangan penyelesaian yang lebih tepat ke arah meningkatkan keberkesanan dasar dan program pembangunan kolaborasi, ia tidak sepatutnya dihadkan kepada sesetengah organisasi sahaja sebaliknya perlu dilaksanakan melalui pendekatan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**.

Pertandingan yang berlangsung pada 3 dan 4 Oktober lalu menyaksikan sebanyak 60 kumpulan telah mengambil bahagian pada penganjuran kali ini di mana hanya 38 kumpulan sahaja pada tahun lepas.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan ATM, serta warga Kementerian Pertahanan.


Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh (Awam) Tahun 2017 kepada empat pekerja daripada Kementerian yang terdiri daripada Gred 48 hingga Gred 18.

Senarai Pemenang disertakan seperti di Lampiran.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **Lt Mariani Mohamad Rafali TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik** di talian **019-2624408**.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
14 Disember 2017**



Siaran

AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 JLD 2 (39) 03/12

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Rasmi **Upacara Peletakan Lunas Kapal LCS Ketiga bagi TLDM**

Lumut, PERAK, 18 Disember 2017: Upacara peletakan lunas untuk kapal Littoral Combat Ship ("LCS") yang ketiga daripada enam buah LCS untuk Tentera Laut Diraja Malaysia ("TLDM") yang sedang dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd ("BN Shipyard"), sebuah syarikat bersekutu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad ("BHIC"), telah berlangsung hari ini. Upacara telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi.

Keenam-enam buah kapal LCS yang dibina merupakan kapal yang tercanggih dan berkeupayaan tinggi untuk armada TLDM. Kapal Tempur Pesisir tersebut dilengkapi dengan kebolehan untuk berhadapan dengan peperangan 4-dimensi bagi mengatasi ancaman elektronik, udara, darat dan air serta sistem pengurusan peperangan yang terkini.

Kapal LCS ini mempunyai ciri-ciri serangan hendap yang membuatkan kapal tersebut sukar untuk dikesan. Setiap kapal LCS mampu menampung 118 anak kapal termasuk sebuah ceraian helikopter dan pasukan khas.

Peletakan lunas ini menandakan bermulanya penyambungan blok kapal tersebut yang dibina secara modular. Upacara peletakan lunas untuk kapal LCS yang pertama telah berlangsung pada tahun 2016, LCS 2 pada Feb 2017 dan LCS ketiga pada hari ini. LCS 1 dijangka akan diserahkan kepada TLDM pada tahun 2019.

Projek LCS membuktikan kemampuan industri pertahanan tempatan (BNS) membina kapal perang moden dan menyumbang kepada kesiagaan dan pengukuhan aset TLDM. Kapal LCS ini sudah pasti akan meningkatkan tahap keupayaan operasi-operasi

TLDM, melindungi kepentingan maritim Malaysia serta seiring aspirasi TLDM ke arah maritim yang bertaraf dunia. Pembinaan kapal-kapal ini di dalam negara juga telah memberi impak yang positif kepada vendor dan rakan kerja tempatan dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya pembangunan di dalam industri maritim.

Acara ini turut dihadiri oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman bin Haji Ahmad Badaruddin; Pengarah Urusan BNS, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli; Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.

- *tamat* -

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
18hb Disember 2017 (Isnin)**



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

19 Disember 2017

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (40) 04/12

MEDIA HANDOUT

MAJLIS TRANSFORMASI KOMPLEKS MUTIARA ARMADA PANGKALAN TLDM LUMUT PADA 19 DISEMBER 2017

1. Majlis Transformasi Kompleks Mutiara Armada merupakan salah satu daripada program Hala Tuju Kementerian Pertahanan Malaysia yang diilhamkan oleh Menteri Pertahanan iaitu YB Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein. Ianya diletakkan di bawah Teras Kebajikan dalam agenda Kos Sara Hidup di mana program ini menjurus kepada kebajikan kepada warga dan veteran ATM.
2. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) merupakan sebuah perbadanan milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang memberi khidmat kepada warga dan veteran ATM melalui rangkaian khidmat peruncitan di seluruh negara dengan penyediaan barangan (produk jualan) pada harga yang berpatutan lagi terkawal khusus untuk manfaat dan kebajikan warga dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). PERNAMA adalah kesinambungan daripada Navy, Army and Air Force Institute (NAAFI) yang telah mengambil alih NAAFI.
3. Bermula dengan 35 buah kedai tinggalan NAAFI, kini PERNAMA memiliki serta menguruskan 74 buah kedai PERNAMA termasuk 4 buah Kompleks PERNAMA, 19 buah Lamaniaga PERNAMA, 129 buah kedai keluarga dalam kem, 289 lot-lot perniagaan dalam kem, 3 buah Gudang Induk, 5 buah stesen minyak. Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut dipilih sebagai lokasi transformasi kerana ianya merupakan kompleks yang terbesar yang dimiliki oleh pihak PERNAMA.
4. **Objektif.** Antara objektif Transformasi PERNAMA adalah seperti berikut:
 - 4.1. PERNAMA menjadi pilihan utama peruncitan barangan keperluan warga dan veteran ATM.
 - 4.2. Mengurangkan bebanan pengurusan kewangan warga dan veteran ATM disamping meningkatkan kualiti hidup mereka.
 - 4.3. Membolehkan pelanggan PERNAMA berbelanja melalui atas talian serta mengembangkan pasaran PERNAMA.

4.4. Menepati serta mendokong hala tuju Kementerian Pertahanan di bawah inisiatif Teras Kebajikan untuk kesejahteraan warga dan veteran ATM yang telah ditetapkan oleh YB MenHan.

5. **Pelancaran Transformasi**. Sempena majlis pelancaran Transformasi PERNAMA pada kali ini, beberapa acara diadakan seperti berikut:

5.1. **Pelancaran Transformasi PERNAMA Kompleks Armada Lumut** - Merupakan kompleks yang terbesar setakat ini yang dimiliki oleh PERNAMA. Ianya telah beroperasi hampir sedekad dan kini telah tiba masanya untuk kompleks tersebut ditambahbaik agar kelihatan lebih moden dan selesai kepada pengujung setanding dengan kompleks membeli belah yang lain.

5.2. **Pelancaran website CAPASA** – ianya merupakan usaha PERNAMA untuk menembusi pasaran luar dengan mewujudkan platform e-dagang dengan kerjasama BCA DIGITAL SDN. BHD iaitu www.capasa.com.my. Dengan pelaksanaan e-dagang ini, pihak PERNAMA akan menyediakan kad CAPASA khas untuk warga dan veteran ATM bagi menggantikan keperluan penggunaan no tentera atau MyTentera di semua cawangan PERNAMA di seluruh Malaysia. Pengguna juga akan turut dapat menikmati beberapa kemudahan daripada kad tersebut antaranya ialah membeli dengan harga promosi, kumpul mata ganjaran untuk tebus hadiah menarik, kemudahan Skim KASUMA untuk anggota ATM dan juga faedah untuk kenderaan seperti servis trak tunda, bantuan kemalangan 24 jam dan lain-lain.

5.3. **Produk CAKNA dan Produk Prihatin** – Rangkaian produk harga CAKNA terdiri daripada 133 barangan keperluan harian dengan diskaun 30 hingga 40 peratus namun promosi terhad sehingga 31 Mac 2018 manakala bagi Produk Prihatin jumlah penambahan produk daripada 200 kepada 500 jenis produk ditawarkan secara berterusan kepada warga dan veteran ATM dengan diskaun dari 20 hingga 30 peratus.

5.4. **Penyerahan Pakaian Seragam Sekolah** – PERNAMA dengan kerjasama Jabatan Arah Pendidikan, Markas Angkatan Tentera Malaysia telah menyumbangkan pakaian percuma sebanyak 2077 pasang baju sekolah rendah dan menengah kepada warga dan veteran ATM termasuk awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan. Bantuan ini mensasarkan kepada kumpulan B40 iaitu mereka yang berpendapatan isi rumah purata bulanan di bawah RM3,860.00. Seramai 428 penerima daripada Negeri Perak akan menerima bantuan tersebut manakala selebihnya akan diagihkan mengikut perancangan yang ditetapkan oleh kementerian. Pecahan agihan pakaian bagi warga TD – 825, TLDM – 196, TUDM – 69 dan Awam – 987. Secara keseluruhan jumlah sumbangan bantuan tersebut bernilai RM148 ribu.

Bagi warga dan veteran ATM yang lain, mereka dapat menikmati kemudahan pakaian sekolah dengan promosi *five4ten* dengan pembelian maksimum sebanyak 5 pasang dengan harga RM72.00 sepasang di semua kedai-kedai

PERNAMA. Pihak PERNAMA telah membelanjakan sebanyak RM5.5 juta untuk tujuan ini.

5.5. **Penyerahan Kalendar 2018 dan buku PERNAMA** – Penyerahan Kalendar 2018 adalah merupakan acara tahunan dan akan diberikan kepada semua warga dan veteran ATM serta penyerahan buku terbitan PERNAMA akan disumbangkan kepada perpustakaan ATM secara percuma.

6. **Pelaksanaan.** Majlis Pelancaran Transformasi Kompleks Mutiara Armada Lumut seperti berikut:

6.1 Program : **Majlis Transformasi Kompleks Mutiara Armada Barat Lumut.**

6.2 Tarikh : **19 Disember 2017.**

6.3 Tempat : **Dewan Shariff, Pangkalan TLDM, Lumut.**

7. **Perasmian.** Majlis disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein disaksikan oleh Menteri Besar Perak, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Pengerusi PERNAMA, YBhg Jen Tan Sri Dato Sri Abdul Aziz bin Hj Zainal (B), Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera, YB Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor (B), Panglima Angkatan Tentera, YM Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima-panglima perkhidmatan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERNAMA.

8. **Penonton.** Seramai empat ribu penonton yang hadir terdiri daripada warga, keluarga, veteran ATM serta kakitangan awam Kementerian Pertahanan.

9. Adalah diharapkan Majlis Transformasi Kompleks Mutiara Armada Barat, Pangkalan TLDM Lumut ini dapat memberikan impak besar kepada semua warga dan veteran ATM selaras dengan saranan Kerajaan dan Kementerian dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam aspek kebajikan dan sara hidup demi kesejahteraan dan keselesaan dalam menghadapi cabaran ekonomi yang semakin mencabar. Sekian, terima kasih.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut :

1. Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM (019-6737547) / 05-6818438.

2. Lt Mariani binti Mohamad Rafali TLDM (019-2624408).

- TAMAT -

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
19 Disember 2017

Kenyataan Media

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia
Merangkap Menteri Tugas-Tugas Khas

Majlis Pelancaran Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut

Lumut, 19 Disember 2017 (Selasa)

Saya dan kepimpinan tertinggi Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa meletakkan agenda membela nasib dan kebajikan anggota, veteran ATM serta ahli keluarga mereka sebagai keutamaan tertinggi. Agenda ini termasuklah merangka pelan dan program yang lebih sistematik serta berimpak tinggi bagi membantu meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung anggota dan veteran ATM serta ahli keluarga mereka, terutama dalam situasi ekonomi yang tidak menentu hari ini.

Atas dasar inilah, maka hari ini buat kali ketiga saya turun padang di bawah Program Jelajah Perkasa Perwira bagi melancarkan Program Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut. Program yang berhubung kait dengan Teras Kebajikan (agenda kos sara hidup) ini amat penting dan merupakan salah satu inisiatif yang dirancang dilaksanakan di bawah Pelan Transformasi Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).

Program ini dilaksanakan bertujuan menaik taraf infrastruktur Kompleks yang telah beroperasi selama lebih 11 tahun ini kepada satu reka bentuk yang lebih kontemporari dan moden. Program ini turut dilaksanakan bagi mengubah suai ruang niaga agar menjadi lebih selesa dan kondusif serta mesra pelanggan khususnya untuk warga ATM di Pangkalan TLDM Lumut ini.

Selain Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut ini, PERNAMA turut melaksanakan beberapa lagi inisiatif di bawah Pelan Transformasi PERNAMA iaitu:

- i. **Melaksanakan program Promosi PRIHATIN.** Melalui program ini, PERNAMA menambah jumlah produk yang dijual di Kedai PERNAMA dari 200 jenis produk kepada lebih 500 jenis produk. Lebih bermakna, hampir kesemua produk ini diijual pada harga yang rendah dan di bawah harga kos.
- ii. **Melaksanakan program CAKNA.** Program ini akan dilaksanakan sehingga 31 Mac 2018. Terdapat 133 barangan keperluan harian seperti beras, susu bayi, minyak masak dan lampin pakai buang dijual di bawah program ini dengan harga diskaun sehingga 45%. Harga barangan bagi program CAKNA ini juga lebih rendah dari harga barangan bagi program Promosi PRIHATIN.
- iii. **Menyediakan *Care for Partner Satisfaction (CAPASA) Card.*** khusus untuk anggota dan veteran ATM. Kad ini diwujudkan bertujuan menggantikan keperluan penggunaan nombor tentera sewaktu menjalankan urusan di PERNAMA. Kad ini memberi pelbagai kelebihan kepada anggota dan veteran ATM termasuk mendapat mata ganjaran sekiranya mereka membeli barang, menikmati faedah untuk kenderaan seperti servis, trak tunda dan bantuan kemalangan 24 jam, serta turut boleh digunakan untuk membeli barangan di laman web CAPASA.
- iv. **Melaksanakan promosi baju sekolah.** Di bawah program ini, anggota dan veteran ATM ditawarkan promosi baju sekolah 'Beli Sepasang Percuma Sepasang' di PERNAMA.

Sementara itu, selepas melancarkan program Transformasi Kompleks Mutiara Armada Pangkalan TLDM Lumut, saya turut menyampaikan sumbangan bantuan persekolahan berbentuk beg sekolah, alat tulis dan pakai seragam sekolah kepada anak-anak warga ATM, veteran ATM dan warga awam Kementerian Pertahanan di Perak yang tergolong dalam kumpulan B40 (berpendapatan bulanan bawah RM4,000)

Sumbangan bantuan persekolahan yang dilaksanakan secara bersama dengan pihak PERNAMA ini juga sebahagian daripada inisiatif Task Force Pendidikan di bawah Teras Kebajikan yang mana ia khusus untuk anak-anak anggota dan veteran ATM serta warga awam Kementerian Pertahanan yang layak. Secara keseluruhannya, seramai 2,077 orang anak-anak warga ATM, veteran ATM dan warga awam Kementerian Pertahanan di seluruh negara layak menerima bantuan persekolahan ini. Mereka akan menerima sumbangan masing-masing dalam majlis yang akan diadakan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan sebelum musim baharu persekolahan bermula pada 2 Januari 2018.

Sementara itu, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sedang merangka *Blueprint* Pendidikan Kementerian Pertahanan yang mana ia memfokuskan kepada pembangunan infra pendidikan 37 sekolah ATM, memperkasakan institusi pendidikan ATM (MTD dan MRSM Terendak), memperjuangkan inisiatif kebajikan pendidikan MINDEF dan pembangunan modal insan. InsyaAllah, saya akan umumkan berkenaan *Blueprint* ini sedikit masa lagi.

Yang lebih penting, *Blueprint* ini juga bakal melibatkan kerjasama *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dengan Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dalam pada itu, bagi Teras Kesiagaan, pada awal program turun padang hari ini, saya turut berkesempatan meninjau Kapal Latihan Gagah Samudera (KLGS).

Sebagai Menteri Pertahanan, saya amat gembira dengan pemilikan kapal ini. Ia merupakan kapal pertama yang dibina bagi memenuhi keperluan latihan di laut untuk warga TLDM. Kapal ini telah disiapkan dan diserahkan kepada TLDM pada 1 Mac lalu dan diletakkan di bawah Markas Pemerintahan Armada Barat dan telah menjalani Latihan Penyesuaian di Laut mulai mulai 30 Mac hingga 5 Mei lalu bagi membolehkan kapal beroperasi sepenuhnya.

Kapal KLGS ini mempunyai spesifikasi 75.9 meter panjang dengan berat keseluruhan 1,366 tan metrik dan turut dilengkapi tempat pendaratan helikopter. Selain itu, ia turut dilengkapi sistem kombat, radar, peralatan navigasi dan komunikasi serta senjata jarak dekat yang canggih dan moden. Ini bermakna, kapal ini bukan sahaja sesuai digunakan dalam latihan, tetapi juga boleh dimanfaatkan untuk melaksanakan penugasan operasi sekiranya perlu.

TLDM akan menerima kapal latihan kedua dari kelas yang sama iaitu Kapal Latihan Teguh Samudera pada 18 Januari 2018 dan bakal ditauliahkan pada April 2018 sempena sambutan Hari TLDM.

Sementara itu, selepas meninjau Kapal KLGS, saya turut peruntukan masa melawat tapak projek pembangunan infrastruktur latihan Pasukan Khas Laut (PASKAL). Projek pembangunan ini merangkumi pembinaan kolam tempur, parachute hangar, menara tempur dan beberapa lagi infrastruktur lain.

Saya harap, melalui pemilikan Kapal dan pembinaan infrastruktur latihan ini, ia berupaya meningkatkan lagi keupayaan dan kesiapsiagaan TLDM dalam usaha mengawasi perairan negara sekali gus memastikan TLDM terus disegani di peringkat serantau dan antarabangsa.

=tamat=

Press Statement

YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Minister of Defence, Malaysia

Malaysian Armed Forces on Immediate Standby to Provide Humanitarian Assistance to the Philippines

Kuala Lumpur, 25 December 2017

The Ministry of Defence, through the Malaysian Armed Forces (MAF), is on immediate standby to provide humanitarian assistance in the form of delivery of foodstuff to areas affected by Typhoon Tembin and the resulting floods and landslides in the southern Philippines.

This morning, I returned from my working visit to Morocco. I refer to the development of Typhoon Tembin that has swept through the southern Philippines that triggered floods and landslides, specifically in the towns of Tubod and Piagapo. Upon my return, I made a call to Secretary Delfin Lorenzana, Secretary of National Defense of the Philippines to share the sympathies and concerns of the Ministry of Defense, the Malaysian Armed Forces and the Malaysian people towards the victims of the disaster in southern Philippines.

I have instructed the Chief of Defence Force for the Malaysian Armed Forces to be on immediate standby and to coordinate the delivery of humanitarian assistance in the form of distribution of foodstuffs with his counterpart in the Philippines.

-END-